

Bukit sama didaki

ARAH dan cara pentadbiran negara di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sudah semakin jelas sekarang. Ia akan cuba memperluas dan mempercepat pembangunan, dan untuk tujuan itu setiap yang terlibat, dari atas ke bawah, perlu mengetahui tugas dan tanggungjawab mereka serta melaksanakannya seperti sepatutnya. Suatu perbezaan dari biasa ialah bahawa kini segala peraturan dan tindakan tidak lagi mesti dikuatkuasakan ke atas petugas-petugas Kerajaan di peringkat bawahan saja sebaliknya mulai dari peringkat tertinggi, iaitu para Menteri.

Sebaik mengangkat sumpah, tiap Menteri digesa supaya segera melaksanakan tugas mereka. Penubuhan semula Kementerian Pembangunan Negara dan Luarbandar di bawah seorang Menteri yang masih muda tetapi terkenal tegas dan agak keras, Encik Saiful Zaid, dan pemberian tugas mengawal perjalanan seluruh Perkhidmatan Awam kepada lagi seorang Menteri yang masih muda dan terkenal jujur dan patuh, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Menteri Tak Berportfolio di Jabatan Perdana Menteri, menunjukkan kesungguhan matlamat baru ini ingin dicapai.

Bili pula dibayangkan Kerajaan akan mengurangkan pembaziran, dimulai dengan jenis kereta para Menteri, dan kelmarin Datuk Seri Dr. Mahathir menyebut hakikat bahawa keamanan dan kemakmuran negara ini dapat dikekalkan kerana ia ditadbirkan berpandukan ajaran Islam, dapaiah ditafsirkan dengan jelas apakah maksud beliau. Kebohosan dan segala yang bertentangan dengan ajaran agama tidak akan diterima dalam pentadbiran baru ini. Di Johor pula keimarin Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam berkata tiap Menteri dan pegawai Kerajaan telah mengetahui tanggungjawab serta arahan yang diberi, dan sekiranya arahan-arahan itu tidak dipatuhi maka Perdana Menteri atau beliau sendiri akan mengambil tindakan. Semuanya ini dapat ditafsirkan bahawa Perdana Menteri dan Timbalannya tidak lagi dapat menerima sebarang alasan dari siapa pun atas kelemahan apalagi penyelewengan dalam pentadbiran baru mereka ini.

Namun tindakan dari para Menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan saja tentu tidak mencukupi. Rakyat juga harus menyertainya dan memahami peranan mereka. Seperti dikatakan oleh Perdana Menteri di Kedah kelmarin, rakyat mestilah sanggup melipatgandakan usaha menghasilkan kekayaan dan kemakmuran negara yang lebih besar. Dan beberapa kali sebelum ini beliau mengingatkan, khususnya kepada orang Melayu, bahawa sifat terlalu meminta tidak bertempat lagi dalam proses mengejar kemajuan sekarang. Jadinya, setiap pihak, Kerajaan dan rakyat, harus berusaha bersungguh-sungguh dan dengan segera. Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.

Bahan asal dari Arkib